

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan segera untuk membendung masalah penipuan kewangan (*financial scam*) yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak kebelakangan ini, pelbagai jenis penipuan kewangan (*financial scam*) semakin berleluasa dalam kalangan rakyat yang menjurus kepada kesalahan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan. Antaranya ialah penipuan dalam talian, skim cepat kaya, penipuan penawaran pinjaman bank, skim pelaburan dan sindiket Macau Scam yang tidak mempunyai sasaran mangsa yang tertentu. Secara khususnya bagi sindiket Macau Scam, sindiket ini akan membuat panggilan telefon secara rambang kepada bakal mangsanya dan beroperasi dengan cara menawarkan cabutan bertuah, penipuan kes penculikan untuk mendapatkan wang tebusan, penyamaran sebagai pegawai polis atau pegawai agensi Kerajaan, serta pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) atau bank komersial. Taktik ini digunakan untuk memperdaya mangsa sehingga menyebabkan kerugian wang ringgit.

2. Dalam usaha membanteras jenayah tersebut, BNM bersama institusi-institusi kewangan telah mengadakan pelbagai kolaborasi strategik dengan beberapa agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta CyberSecurity Malaysia untuk berkongsi pengetahuan mengenai taktik terkini penipuan kewangan, kempen kesedaran dan juga membantu tindakan penguatkuasaan termasuk penangkapan sindiket berkaitan.

3. BNM juga telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai persatuan pengguna, badan bukan Kerajaan (NGO) dan persatuan perniagaan serta perindustrian dalam menyampaikan maklumat secara terus kepada pengguna kewangan agar lebih berwaspada dengan sindiket penipuan kewangan. Pelbagai saluran telah digunakan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan. Antaranya ialah:

- a. Peringatan kepada semua pengguna melalui laman sesawang BNM
  - i. Senarai Amaran Pengguna Kewangan; dan
  - ii. Senarai Amaran Penipuan Kewangan
- b. Media Massa
  - i. Saluran Televisyen; dan
  - ii. Saluran Radio
- c. Media Sosial
  - i. Media sosial rasmi BNM di Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube; dan
  - ii. Laman Facebook “Amaran Scam” untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai taktik penipuan dan cara melindungi diri daripada menjadi mangsa (<https://www.facebook.com/amaranpenipuan/>)

- d. Penghantaran short message service (SMS) melalui syarikat telekomunikasi, penerbitan Majalah RINGGIT, serta Program Jangkauan Kesedaran (Awareness Outreach Programmes) menerusi Karnival Kewangan.

4. BNM, institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi penguatkuasaan juga telah menasihati orang ramai agar melakukan perkara-perkara berikut sekiranya berdepan dengan situasi penipuan kewangan:

- i. Sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat atau tipu helah pihak-pihak tertentu;
- ii. Jangan sesekali panik dan mengikut arahan yang diberikan oleh pemanggil termasuk pemindahan wang kepada orang yang tidak dikenali, tanpa terlebih dahulu menghubungi pihak polis atau institusi kewangan terbabit;
- iii. Jangan hubungi semula nombor telefon yang diterima, sebaliknya dapatkan nombor telefon rasmi syarikat, organisasi atau institusi terbabit untuk pengesahan lanjut; dan
- iv. Jangan dedahkan nombor akaun bank, nombor kad ATM atau kad kredit anda kepada orang yang tidak dikenali.

5. Orang ramai juga dinasihatkan untuk menggunakan portal (<https://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>) dan aplikasi Semak Mule yang dibangunkan oleh PDRM bagi membuat semakan sekiranya terdapat laporan polis ke atas akaun bank penerima sebelum melakukan transaksi atas talian atau menghubungi BNM TELELINK di talian 1-300-88-5465.

Sekian, terima kasih.